



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

UCAPAN

**YB DATUK SERI DR. NORAINI BIN AHMAD
TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

PROGRAM

**Majlis Sidang Media
Pengumuman Pemenang Wanita Ikon Negeri
dan Wanita Ikon Muda Negeri 2024/25**

PADA

26 Ogos 2024 (Isnin) | 2.00 – 4.00 petang

BERTEMPAT

Dewan Perdana Nur, KPWKM

A. PENDAHULUAN

1. Bismillahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam sejahtera dan Salam Malaysia MADANI. Terima kasih kepada saudara/i pengacara majlis.
2. [SALUTASI SEPERTI DI LAMPIRAN]
3. Alhamdulillah segala puji bagi Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, kita dapat bertemu dan bersama-sama pada hari ini.

B. ANUGERAH WANITA IKON MALAYSIA (AWIM)

Para hadirin sekalian.

4. Pertama-tamanya syabas saya ucapkan kepada Kelab Wanita Ikon Malaysia (KWIM) yang diterajui oleh YBhg. Dato' Normaziah Sheikh Mohamed atas penganjuran Majlis Sidang Media Pengumuman Pemenang Wanita Ikon Negeri dan Wanita Ikon Muda Negeri 2024/2025 pada hari ini.
5. Dan ucapan tahniah juga kepada 11 orang wanita ikon negeri dan 6 orang wanita ikon muda yang telah berjaya terpilih bagi sesi 2024/2025 yang bakal diumumkan sekejap lagi.

6. Saya percaya, berada di sini pada hari ini bukanlah sesuatu yang mudah, setelah melalui proses saringan, temuduga penjurian, melaksanakan tugas dan bersaing dalam kalangan 185 calon yang lain telah membuktikan bahawa yang dihadapan saya pada hari ini layak diberikan pengiktirafan atas kecemerlangan yang telah dicapai dalam bidang masing-masing.
7. Kejayaan ini juga menunjukkan bahawa kumpulan ini telah bersedia untuk menggalas tanggungjawab yang lebih besar untuk terus memberikan inspirasi kepada wanita-wanita lain supaya bangkit dan mengorak langkah maju ke hadapan.

C. PENGHARGAAN KEPADA WANITA IKON SESI 2022/23

8. Dikesempatan ini juga saya ingin merakamkan penghargaan kepada wanita-wanita ikon sesi 2022/2023 atas sumbang bakti dan kerjasama dengan Kementerian ini melalui Jabatan Pembangunan Wanita dalam membantu melaksanakan program-program pembangunan wanita di lapangan.
9. Alhamdulillah, kepelbagaian kepakaran yang dimiliki oleh wanita ikon dapat digunakan sebaiknya di peringkat negeri. Saya dapat lihat penglibatan wanita ikon dalam banyak aspek seperti kemahiran, keusahawanan, pembangunan potensi, pengurusan emosi, advokasi antigangguan seksual, kesihatan mental, diskriminasi terhadap wanita dan sebagainya yang selari dengan agenda Kementerian dan konsep Malaysia MADANI.

D. KEPIMPINAN DALAM KALANGAN WANITA

Para hadirin sekalian.

10. Suka saya memetik kata-kata Buya Hamka. *“Bahawasanya wanita itu tiang negara. Kalau wanita itu baik, baiklah negara. Dan kalau mereka rosak, rosak pulalah negara. Mereka adalah tiang, dan biasanya tiang rumah tidak begitu kelihatan. Namun jika rumah sudah condong, periksalah tiangnya.”*
11. Wanita memainkan peranan penting dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju dan progresif. Peranan tersebut tidak hanya terhad kepada memberi sokongan dan menjadi pengikut semata-mata, malah wanita mampu bertindak sebagai pemimpin yang menggerakkan setiap lapisan masyarakat.
12. Ini terbukti apabila laporan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti pada 1 Jun 2023 telah menyatakan bahawa 30.6 peratus Ahli Lembaga Pengarah di 100 syarikat tersenarai awam yang teratas terdiri daripada wanita. Menurut Jabatan Perkhidmatan Awam pula, peratus penjawat awam wanita di peringkat pembuat keputusan melalui pengisian Gred Utama C dan ke atas telah meningkat kepada 38.8 peratus pada Disember 2022.
13. Ini adalah satu perkembangan yang baik sekaligus membuktikan bahawa dasar 30% penglibatan wanita dalam bidang pembuatan keputusan sudah pun mula membuahkan hasil.

14. Walaupun sasaran 30 peratus ini telah berjaya dicapai, Kementerian akan terus komited menggandakan usaha untuk melahirkan lebih ramai pemimpin wanita dalam pelbagai bidang.
15. Kementerian juga berbesar hati apabila Kelab Wanita Ikon Malaysia sebagai sebuah Pertubuhan Bukan Kerajaan turut menyokong usaha ini dengan melahirkan lebih ramai wanita-wanita ikon untuk memimpin dan membantu masyarakat.
16. Semasa Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2024 yang lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan kelulusan peruntukan sebanyak RM5 juta untuk disalurkan kepada tokoh-tokoh wanita bagi menjalankan program-program pemerikasaan kepimpinan wanita.
17. Susulan daripada pengumuman tersebut, Kementerian melalui Jabatan Pembangunan Wanita telah merangka satu program yang dinamakan sebagai Program Perantisan Kepimpinan Wanita (PERANTIS). Sehingga 30 Jun 2024, Kementerian telah menerima sebanyak 353 permohonan daripada tokoh-tokoh wanita yang berminat untuk menjalankan program ini.
18. Sambutan yang diterima sangat menggalakkan. Tokoh yang memohon terdiri daripada pelbagai latar belakang dan kepakaran. Ini merupakan satu *signal* kepada Kementerian bahawa semakin ramai menyedari betapa perlunya penglibatan semua pihak dalam usaha memperkasa

wanita. Inilah konsep dan pendekatan *whole-of-society* yang cuba kita terapkan.

E. WANITA DALAM TENAGA BURUH

19. Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk mengajak semua pihak terutamanya wanita-wanita ikon untuk membantu meningkatkan kesedaran dan kemahiran dalam kalangan wanita agar dapat menyertai pasaran tenaga buruh.
20. Kadar penyertaan wanita dalam tenaga buruh pada tahun 2024 adalah pada kadar 56.5 peratus berbanding 53.7 peratus pada tahun 2014. Peningkatannya hanya 2.8 peratus dalam tempoh 10 tahun.
21. Di bawah Belanjawan 2024, Kerangka Ekonomi MADANI telah menetapkan penanda aras agar kadar penyertaan wanita dalam pasaran buruh negara ditingkatkan kepada 60 peratus menjelang tahun 2025.
22. Selaras dengan sasaran tersebut, Belanjawan 2024 telah menyediakan beberapa inisiatif. Antaranya ialah galakan cukai bagi wanita yang kembali bekerja dilanjutkan sehingga 31 Disember 2027; dan had pengecualian cukai pendapatan ke atas elaun penjagaan anak ditingkatkan daripada RM2,000 kepada RM3,000.
23. Selain daripada inisiatif daripada pihak Kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan khususnya wanita ikon boleh membantu dari sudut transformasi tenaga kerja. Ianya melibatkan usaha untuk menyediakan tenaga kerja wanita

yang berkemahiran dan berpengetahuan, selari dengan kehendak pasaran buruh. Transformasi tenaga kerja banyak melibatkan program pembelajaran dan latihan, termasuklah meningkatkan kemahiran (*up-skilling*) dan menambah kemahiran (*re-skilling*).

F. KESIHATAN MENTAL DALAM KALANGAN WANITA

24. Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2023 oleh Kementerian Kesihatan Malaysia mendedahkan seramai sejuta atau bersamaan 4.6 peratus penduduk Malaysia berusia lebih 15 tahun mengalami kemurungan.
25. Disinilah pentingnya keprihatinan masyarakat untuk cakna dan ambil tahu keadaan orang-orang disekeliling. Bantu setakat yang termampu, hubungkan mereka yang memerlukan kepada pihak berwajib untuk dapatkan bantuan lanjut. Tahniah juga saya ucapkan kepada KWIM kerana menggiatkan kempen *Are You OK?* untuk memupuk rasa prihatin di kalangan masyarakat terutamanya kaum wanita.
26. Kadang-kadang dengan hanya satu keprihatinan atau tindakan kecil kita mampu mengubah hidup seseorang. Kecil bagi kita mungkin segala-galanya bagi orang lain.

G. HARAPAN

27. Akhir kata, saya berharap dengan lahirnya wanita-wanita ikon baru ini, dapat bergandingan dengan wanita ikon sedia ada serta mengajak lebih ramai wanita di luar sana untuk menyemarakkan lagi usaha-usaha pemeraksanaan wanita.

28. Terima kasih dan tahniah buat semua, semoga anugerah ini menyemarakkan usaha kita bagi membangunkan negara selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

Sekian, *wabillahi taufiq wal hidayah*

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh